



Peningkatan profesionalisme staf akademik mampu melahirkan pensyarah berkualiti

Oleh: SARINAH SHAARI

Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC), Universiti Malaysia PAhang (UMP) sentiasa merangka untuk melaksanakan kursus-kursus pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai inovasi dalam pengajaran serta meningkatkan tahap profesionalisme staf akademik.

Langkah bagi merealisasikan hasrat universiti dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja bijak di dalam bidangnya tetapi kritikal dalam pemikiran, bestari menerusi tindakan serta mampu membangunkan negara berbekalkan jati diri yang tinggi.

Justeru, baru-baru ini CAIC telah menganjurkan beberapa kursus dan bengkel yang bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme staf akademik. Sebagai permulaan, Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran telah dilaksanakan pada 3 hingga 6 Mei 2010 yang lalu. Kursus ini adalah sebagai langkah pendedahan awal kepada pensyarah baharu di samping ia merupakan kursus wajib yang perlu dihadiri.

Pengalaman 36 peserta mengikuti

kursus ini amat bernilai kerana di samping pendedahan mengenai pengajaran dan pembelajaran ia juga dapat meningkatkan kemahiran dan teknik asas pengajaran yang merangkumi penyediaan perancangan, pembelajaran berkonseptan pendidikan berdasarkan hasil (OBE), *student centered learning* (SCL), pedagogi dan pengurusan portfolio, e-Pembelajaran dan lain-lain lagi.

Pengalaman yang dikongsi bersama dengan para penceramah yang terdiri daripada ahli akademik senior di universiti ini telah membangkitkan rasa ingin tahu yang amat mendalam di kalangan staf akademik yang terlibat.

Selain itu, peserta kali ini juga berpeluang menimba ilmu dan pengalaman bersama dengan pemenang Anugerah Pensyarah Cemerlang UMP 2009 (kategori Kejuruteraan) iaitu Profesor Madya Ir. Adnan Zulkepli daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA). Pengetahuan beliau terhadap konsep OBE dan penglibatan aktif beliau dalam proses akreditasi dan jaminan kualiti akademik telah membuka minda kebanyakan peserta yang hadir.

Dalam pada itu, pada kali ini CAIC juga turut menganjurkan bengkel Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Bengkel itu yang melibatkan para ahli akademik daripada semua fakulti dan dikendalikan oleh dua orang fasilitator yang cukup berpengalaman dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran iaitu Profesor Dr. Abdullah Hassan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Profesor Madya Dr. Fakhruldin dari Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Para peserta telah diberi pendedahan mengenai kreativiti dan inovasi yang boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran di samping pendedahan berkenaan kaedah penyelesaian masalah secara inovatif, mewujudkan pelajar yang berinovasi dan kaedah untuk menjadi seorang pendidik yang kreatif dan inovatif.

Secara keseluruhan, program ini amat baik dan berkesan kerana ianya dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran di UMP lebih menarik dan mampu untuk meningkatkan minat para pelajar untuk mengikuti pengajian.